

SUMBANGAN GURU TAKMIR DALAM PEMBANGUNAN DAN PENDIDIKAN MASYARAKAT ISLAM DI JOHOR

Azmi Shah Suratman
Kamarul Azmi Jasmi
Azhar Muhammad
Ahmad Kilani Mohamed

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Suratman, A. S., Jasmi, K. A., Muhammad, A, & Mohamed, A. K. (2009). Sumbangan Guru Takmir dalam Pembangunan dan Pendidikan Masyarakat Islam di Johor in *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004* at Asiania Resort, Langkawi, on 25-27 September 2004, pp 1-8. ISBN 983-29-750-50.

Abstrak

Guru takmir merupakan penyumbang terpenting dalam pembangunan pendidikan peringkat akar umbi masyarakat Islam. Sumbangan mereka kepada kemakmuran masjid dengan memberikan pendidikan pembangunan diri masyarakat sudah menjadi satu kebiasaan dalam masyarakat Islam Malaysia umumnya dan masyarakat Islam Johor khususnya. Kajian yang dilakukan di Johor di tiga daerah besar iaitu Johor Baharu, Batu Pahat dan Kluang jelas menunjukkan sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat ini. Kajian ini juga menghasilkan dapatan yang menggalakkan satu pengurusan yang lebih rapi dan tersusun dalam menyelaraskan sumbangan guru-guru takmir di masjid-masjid dan penyelarasan kurikulum pengajaran mereka agar segala sumbangan mencapai matlamat yang diharapkan oleh kerajaan, masyarakat dan rakyat.

SUMBANGAN GURU TAKMIR DALAM PEMBANGUNAN DAN PENDIDIKAN MASYARAKAT ISLAM DI JOHOR*

Azmi Shah Suratman

Kamarul Azmi Jasmi

Azhar Muhammad

Ahmad Kilani Mohamed

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Guru takmir merupakan penyumbang terpenting dalam pembangunan pendidikan peringkat akar umbi masyarakat Islam. Sumbangan mereka kepada kemakmuran masjid dengan memberikan pendidikan pembangunan diri masyarakat sudah menjadi satu kebiasaan dalam masyarakat Islam Malaysia umumnya dan masyarakat Islam Johor khususnya. Kajian yang dilakukan di Johor di tiga daerah besar iaitu Johor Baharu, Batu Pahat dan Kluang jelas menunjukkan sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat ini. Kajian ini juga menghasilkan dapatan yang menggalakkan satu pengurusan yang lebih rapi dan tersusun dalam menyelaraskan sumbangan guru-guru takmir di masjid-masjid dan penyelarasan kurikulum pengajaran mereka agar segala sumbangan mencapai matlamat yang diharapkan oleh kerajaan, masyarakat dan rakyat.

Pengenalan

Peranan guru-guru takmir di Johor adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam pengamalan dan perkembangan agama Islam kini telah mula dirasakan penting oleh banyak pihak. Tidak kira daripada golongan-golongan yang mempunyai kepentingan untuk menyebarkan ideologi, fahaman dan pemikiran baru dalam masyarakat atau daripada pihak kerajaan.

Merujuk perkembangan seperti yang tersebut di atas, maka, pihak kerajaan negeri Johor telah menguatkuasakan pengharaman segalanya melainkan dengan kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa negeri terhadap pengajaran guru-guru takmir atau segala bentuk penyampaian agama Islam di masjid-masjid atau dalam masyarakat. Pengharaman tersebut berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Bilangan 14, iaitu 'Kaedah-kaedah Mengajar dan Memberi Syarahan Agama 1991' dan 'Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah' nombor empat tahun 1997 (warta Kerajaan Johor, 1999). Enakmen-enakmen irii divvartakan dengan harapan agar penyebaran pemikiran, fahaman dan ideologi yang bertentangan dengan kerajaan negeri atau inazhab semasa masyarakat Islam Johor atau ajaran Islam yang menyeleweng dapat dibendung dengan baik. Enakmen bilangan empat/11(l) tertulis sebagai,

"Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubung dengan agama Islam tanpa tauliah yang diberikan

* Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004 di Asiania Resort, Langkawi, pada 25-27Sep. 2004 anjuran Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM).

di bawah Kaedah Sembilan Kaedah-kaedah Mengajar dan Memberi Syarahan Agama, 1991 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan oleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya ".

Warta Kerajaan Johor, 1999: 258

Hukuman yang berat yang dikenakan kepada pihak pengurus masjid dan kepada penceramah yang berceramah tanpa tauliah ini sudah cukup menunjukkan keseriusan pihak berkuasa untuk membendung anasir yang tidak baik dari berkembang dalam masyarakat Islam di Johor. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan negeri masih melihat kepentingan pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat yang berupa pengajaran di masjid-masjid dengan membenarkan mereka terus menyumbangkan bakti dengan syarat mendapat kebenaran bertulis atau tauliah daripada pihak berkuasa negeri.

Usaha kerajaan negeri Johor bagi meneruskan kesiriambungan Islam dan pengamalannya di samping menjamin kesatuan umat Islam melalui pengajaran guru-guru takmir yang bertauliah juga perlu di lihat daripada penggunaan silibus dan kitab di kalangan mereka. Penggunaan kitab-kitab daripada pelbagai aliran dan fahaman yang tidak terkenal atau yang bukan terdapat dalam Mazhab Shafi'i yang menjadi aliran mazhab semasa masyarakat Islam Johor sudah tentu menyukarkan lagi penyatuan umat Islam dalam masyarakat.

Pihak kerajaan negeri Johor sudah tentu tidak mempunyai masalah dalam usaha meneruskan pengajaran dan pendidikan agama Islam dalam masyarakat jika karya ulama-ulama Shatfi dalam ahli Sunnah Wa al-Jamaah yang terkenal seperti Al-Imam Al-Nawawi, Ibnu Hajar, Khatib Syarbini dan Syeikh Ramli (Muhammad Arsyad b. Abdullah, t.t.) digunakan oleh guru-guru takmir. Tetapi apa yang berlaku pola menunjukkan karya ulama-ulama yang telah diiktiraf sebagai tokoh agama yang disegani dalam Mazhab Shafi'i ini jarang digunakan oleh guru-guru takmir dalam pengajaran mereka di masjid.

Justeru, satu kajian yang bertujuan menghasilkan fakta baru terhadap satu aliran pengajaran guru-guru takmir di masjid-masjid dengan membuat kajian khusus terhadap hasil karya ulama terkenal umat Islam dalam mazhab Shatfi iaitu Al-Imam Al-Nawawi. Setakat ini.

Tumpuan kajian adalah melihat pandangan guru-guru takmir terhadap hasil karya Al-Imam Al-Nawawi dan penggunaannya dalam pengajaran-pengajaran mereka di masjid. Kajian ini dijalankan dengan harapan satu kesedaran yang baru kepada pihak kerajaan untuk membuat penyelarasan terhadap pengajaran guru-guru takmir di masjid pada masa akan datang supaya tujuan penyatuan umat Islam dapat dilaksanakan dengan lebih lancar bersandarkan ketokohan ulama yang dihormati dalam mazhab ShafTi seperti Al-Imam Al-Nawawi dengan karya-karyanya.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat-maklumat berikut:

- (1) Sejauh mana guru-guru takmir mengenali Al-Imam Al-Nawawi selaku ulama yang terkenal dalam mazhab Shafi'i.

- (2) Mengukur pengetahuan guru-guru takmir tentang karya Al-Imam Al-Nawawi dalam perkuliahan (pengajaran) agama di masjid-masjid dan surau.

Dapatan Kajian

Sebanyak 209 set borang soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru takmir yang berdaftar di tiga daerah iaitu Daerah Johor Bahru, Daerah Kluang dan Daerah Batu Pahat. Hanya 179 set borang soal selidik yang dijawab dengan sempurna oleh responden kajian. Bakinya sebanyak 24 set borang soal selidik tidak dijawab langsung dan juga tidak lengkap dijawab. Daripada jumlah 179 responden, sebanyak 41 daripada 43 responden datang daripada daerah Johor Bahru. Manakala daerah Batu Pahat jumlah responden ialah 99 daripada 125 dan Kluang pula berjumlah 39 daripada 41 responden. Penyelidik hanya menganalisis berdasarkan borang soal selidik yang lengkap dijawab, ini kerana terdapatnya kesuntukan masa bagi menyempurnakan pengedaran semula borang kaji selidik kepada kesemua responden untuk menjawab kembali borang tersebut dengan lengkap.

Data dianalisis dalam tiga bahagian utama iaitu bahagian A (latar belakang responden), bahagian B (pengetahuan responden terhadap Al-Imam Al-Nawawi) dan bahagian C (pengetahuan responden terhadap karya Al-Imam Al-Nawawi dan pengajarannya di Masjid-masjid). Semua hasil dapatan digambarkan dalam Jadual 1-9.

Jadual 1 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	158	88.3
Perempuan	21	11.7

Jadual 2 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	158	88.3
Perempuan	21	11.7

N = 179

Kamarul Azmi et. al., 2003:36

Jadual 3 Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
<25	-	
25-30	4	2.2
30-35	7	3.8
35-40	6	3.4
40-45	8	4.5
45-50	13	7.3
50-55	47	26.3
>55	94	52.5

Jadual 5 Pekerjaan ibu bapa

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus (%)
Pensyarah Universiti	.	.
Pegawai Agama Daerah/Negeri	18	10.1
Guru/Pengetua Sekolah Menengah	4	2.2
Guru/Pengetua Sekolah Menengah Agama	1	0.6
Guru/Pengetua Sekolah Arab Menengah	1	0.6
Guru/Guru Besar Sekolah Rendah	7	3.9
Guru/Pengetua Sekolah Agama Negeri Johor	57	31.8
Lain-lain	91	50.8

Jadual 5 Taburan Responden Mengikut Kumpulan Pelajar

Kumpulan.	Kekerapan	Peratus (%)
Dewasa	123	68.7
Dewasa sahaja	52	29.1
Kanak-kanak sahaja	4	2.2

N = 179

Kamarul Azmi et al, 2003: 41

Jadual 6 Taburan skor mengenai pengetahuan responden terhadap Imam al-Nawawi

No	Kern	Bil	STS	TS	TP	I s	SS	Min
1	Al-Imam Al-Nawawi di anggap sebagai ulama yang berwibawa dalam mazhab Shafi'i	Bil	-	-	4	107	68	4.36
		%	-		2.2	59.8	38.0	
2	Al-Imam dihormati dalam dunia Islam pada masa beliau	Bil	-	2	5	112	60	4.28
		%	-	1.1	2.8	62.6	33.5	
3	Al-Imam Al-Nawawi seorang yang zuhud	Bil	-	1	10	121	47	4.20
		%	-	0.6	5.6	67.5	24.3	
4	Al-Imam Al-Nawawi warak dari perkara syubhat	Bil	-	5	20	98	56	4.15
		%	-	2.8	11.2	54.7	31.3	
5	Al-Imam Al-Nawawi memanfaatkan seluruh umurnya	Bil	-	-	8	116	55	4.26
		%	-	-	4.5	64.8	30.7	
6	Al-Imam Al-Nawawi banyak menghasilkan buku	Bil	-	1	10	143	25	4.07
		%	-	0.6	5.6	79.8	14.0	
7	Buku-buku yang dihasilkan oleh beliau sangat bermutu tinggi penulisannya	Bil	-	-	11	120	48	4.21
		%	-		6.1	67.1	26.8	

N = 179

Jadual 7 Taburan Skor Mengenai Karya-Karya Al-Imam Al-Nawawi Yang Di Ketahui oleh Responden

No	Item		Tidak Tahu	Tahun	Jumlah
1	Al-Hadith al-Arba'iiin	Bil	10	169	179
		%	5.6	94.4	100
2	Riyad al-Solihin min <i>Kalam</i> Sayyid al-Mursalin	Bil	21	158	179
		%	11.7	88.3	100
3	Al-Adzkar	Bil	95	84	179
		%	53.1	46.9	100
4	Rawdat al-Talibin Fi al-Fiqh	Bil	71	108	179
		%	39.7	60.3	100
5	Al-Tibyan Fi Adab Haml Al-Quran Wa Mukhtasarihi	Bil	137	42	179
		%	76.5	23.5	100
6	Al-Minhaj Sham Sohih Muslim	Bil	80	99	179
		%	44.7	55.3	100
7	Minhaj al-Talibin	Bil	50	129	179
		%	27.9	72.1	100
8	Al-Majmu ^c	Bil	94	85	179
		%	52.5	47.5	100
<i>N</i> = 179					

2003:46

Jadual 8: Taburan Skor Mengenai Kitab Al-Imam Al-Nawawi Yang Digunakan Oleh Responden

No	Item		Tidak Guna	Guna	Jumlah
1	Al-Hadith al-Arba'iiin	Bil	22	157	179
		%	12.3	87.7	100
2	Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al-Mursalin	Bil	41	138	179
		%	22.9	77.1	100
3	Al-Adzkar	Bil	124	55	179
		%	69.3	30.7	100
4	Rawdat al-Talibin Fi al-Fiqh	Bil	104	75	179
		%	58.1	41.9	100
5	Al-Tibyan Fi Adab Haml Al-Quran Wa Mukhtasarihi	Bil	164	15	179
		%	91.6	8.4	100
6	Al-Minhaj Sharh Sohih Muslim	Bil	117	62	179
		%	65.4	34.6	100
7	Minhaj al-Talibin	Bil	97	82	179
		%	54.2	45.8	100
8	Al-Majmu ^c	Bil	147	32	179
		%	82.1	17.9	100

RUMUSAN DAN CADANGAN

Rumusan

Latar Belakang Responden

Taburan ini sudah menggambarkan dominasi kalangan kaum lelaki dalam proses memberi khidmat pengajaran agama dalam masyarakat yang merupakan tanggungjawab sebenar kaum lelaki. Selain itu, kebiasaannya pengajaran guru-guru takmir ini dilaksanakan di masjid-masjid. Pada kebiasaannya para audien terdiri daripada kalangan lelaki dan wanita. Justeru sukar bagi kaum wanita untuk turut serta memberikan pengajaran di masjid-masjid melainkan jikalau untuk pengajaran di kalangan wanita sahaja.

Kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang berusia lebih 55 tahun iaitu mewakili 52.5%. Umur ini merupakan umur persaraan bagi kakitangan kerajaan. Penurunan jumlah responden meningkat berdasarkan berkurangnya tahap umur. Ini menunjukkan bahawa semakin meningkat umur seseorang guru takmir itu, semakin dipilih oleh masyarakat untuk mengajar di masjid-masjid. Ini berdasarkan sikap masyarakat yang lebih hormatkan mereka yang lebih tua dan menganggap golongan ini sudah cukup berpengalaman lagi matang dalam kehidupan untuk menyampaikan segala ilmu-ilmu agama yang mereka ada kepada masyarakat.

Pendidikan agama yang tinggi terutamanya mereka yang mempunyai pendidikan bahasa Arab merupakan asas utama kepada meningkatnya kemampuan mereka membaca kitab-kitab Arab terutamanya karangan-karangan terkenal Al-Imam Al-Nawawi. Tanpa pengetahuan bahasa Arab yang tinggi sudah tentu merupakan penghalang utama kepada guru-guru takmir untuk membaca kitab-kitab tersebut melainkan melalui kitab-kitab yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Indonesia.

kebanyakan daripada responden mendapat pendidikan agama yang baik. Berdasarkan hasil dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa 61.5% daripada jumlah keseluruhan responden mendapat pendidikan agama di Sekolah Khas Negeri Johor. Pada peringkat pendidikan agama ini, bahasa Arab tidak diberikan penekanan yang kuat untuk membolehkan para pelajar menguasai Bahasa Arab kecuali melalui tambahan usaha-usaha yang lain. Namun begitu sebanyak 53 orang responden dianggap mempunyai pencapaian yang baik untuk membaca kitab-kitab Arab yang belum diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Jumlah ini mewakili 34 responden daripada lulusan Syahadah Thanawiyah, sembilan responden daripada diploma, tujuh responden daripada Sarjana Muda dan tiga responden daripada lepasan Sarjana.

Kebanyakan pekerjaan yang dilakukan oleh para responden banyak. mem bantu membentuk kedudukan yang baik di mata masyarakat yang membolehkan mereka dipilih sebagai guru takmir.

Kebanyakan responden sangat bersetuju dengan pandangan ulama-ulama silam terhadap Al-Imam Al-Nawawi bahawa beliau merupakan seorang ulama yang dihormati dalam dunia Islam lagi sangat berwibawa. Selain itu, beliau mempunyai peribadi yang zuhud, warak dan tidak mensia-siakan umurnya. Dari segi produktiviti penuisan juga beliau seorang ulama yang banyak menghasilkan kitab-kitab yang tinggi mutunya.

Berdasarkan lapan buah karya utama Al-Imam Al-Nawawi yang telah disenaraikan oleh penyelidik, hanya lima kitab sahaja kebanyakan responden mengetahuinya, manakala bakinya iaitu sebanyak tiga kitab lagi bukan tiada responden yang mengetahuinya, akan

tetapi hanya lebih banyak responden yang tidak mengetahuinya daripada yang mengetahuinya. Peningkatan pengetahuan responden kepada karya Al-Imam Al-Nawawi juga banyak bergantung kepada peranan penterjemahan samada yang dilakukan oleh individu atau kerajaan. Daripada lapan karya itu juga dua kitab sahaja yang kebanyakan responden menggunakannya sewaktu mengajar di masjid dan bakinya iaitu sebanyak enam buah kitab, terdapat juga responden yang menggunakannya, akan tetapi bilangannya kurang daripada yang tidak menggunakannya semasa mengajar di masjid.

Guru-guru takmir dalam kajian ini mempunyai latar belakang yang berlainan samada dari segi pendidikan, umur, pekerjaan, jantina dan lain-lain. Namun latar belakang mereka yang berlainan ini tidak sedikit pun menunjukkan kekurangan pengetahuan mereka terhadap kedudukan Al-Imam Al-Nawawi sebagai tokoh ulama yang ulung. Beliau dianggap ulama yang ulung dari aspek keperibadian malah ulung dari segi penghasilan karya-karya yang banyak serta bermutu. Ini menggambarkan bahawa ketokohan beliau selaku ulama Islam yang ulung diterima oleh hampir semua peringkat masyarakat yang mempunyai asas-asas pendidikan agama di Negeri Johor.

Guru-guru takmir tersebut yakin dan percaya tentang ketinggian sifat peribadi Al-Imam Al-Nawawi yang begitu berwibawa, dihormati, zuhud, wara' lagi sangat memanfaatkan kehidupannya. Beliau juga merupakan tokoh yang banyak menyumbangkan hasil karya Islam yang memberi pedoman kepada umat Islam sepanjang zaman yang melangkaui sempadan masa, negara, bangsa dan mazhab.

Sifatnya yang terpuji dan ketokohnya dalam ilmu pengetahuan menjadi pendorong utama kepada penerimaan segala hasil karya beliau di kalangan ulama khususnya di kalangan guru-guru takmir di negeri Johor ini. Namun begitu oleh sebab kebanyakan karya-karya beliau diterbitkan dalam Bahasa Arab dan kurangnya usaha menterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu menjadikan karya-karya bermutu beliau tidak dapat disebarkan di kalangan guru-guru takmir yang kurang pendidikan Bahasa Arab apatah lagi untuk disebarkan ke dalam masyarakat Islam. Namun begitu, didapati karya-karya beliau yang sudah diterjemahkan seperti Kitab al-Hadith al-Arba'een dan Kitab Riyad al-Solihin menjadi pilihan utama di kalangan mereka yang ingin menyumbangkan kepada tenaga dalam pengajaran dan pembelajaran dalam rangka usaha membangunkan masyarakat Islam di negeri Johor.

Saranan dan Cadangan

Meningkatkan perterjemahan kitab-kitab warisan Islam lama terutamanya kitab-kitab karangan Al-Imam Al-Nawawi

Masih banyak khazanah lama Islam seperti hasil-hasil karya Al-Imam Al-Nawawi yang belum diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Kekurangan terjemahan kitab-kitab tersebut ke dalam bahasa Melayu menyebabkan masyarakat Melayu Islam kurang mendapat manfaat ketinggian dan kehebatan mutu hasil karya-karya tersebut.

Hakikat sebenar bahawa masyarakat Melayu Islam yang tidak boleh berbahasa Arab banyak memanfaatkan hasil-hasil karya kitab-kitab lama yang telah diterjemahkan untuk kegunaan pendidikan masyarakat sebagaimana yang ditunjukkan dalam penyelidikan ini. Justeru, pihak-pihak kerajaan dan swasta perlu meningkatkan usaha penterjemahan kitab-kitab warisan Islam lama ini. Mudah-mudahan karya-karya terjemahan tersebut mampu

menjadi kurikulum asas kepada guru-guru takmir yang tidak mampu berbahasa Arab dan menjadi bahan pembacaan umum kepada masyarakat umum agar seluruh umat Islam mendapat manfaat daripada ketinggian warisan Islam tersebut.

Rujukan

- Al-Nawawi, (1995). *Riyad al-Solihin*. (Tahkik oleh Ali Abd Al-Hamid Boltah Ji). Lahore Pakistan: Kutub Khanah Faidha. Al-Nawawi, (2000). *Riyad al-Solihin*. (Terjemahan oleh Unit Al-Quran, Sunnah dan Tafsir, pusat penyelidikan Islam, Bahagian hal ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, jilid 1-4, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Al-Suyuti, (t.t). *Al-Minhaj al-Sawifi al-Tarjamah Al-Imam Al-Nawawi*, Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Hasan Hj. Al-Nawawi, (1990). *Riwayat Hidup Al-Nawawi*. Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan Ke Tiga, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, Kuala Lumpur: Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia.
- Hashim Hj. Yahya, (1990). *Pandangan Ulama Terhadap Al-Nawawi*. Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan Ke Tiga, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, Kuala Lumpur: Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia.
- Ibnu °Atar, (1991). *Tuhfat al-Tolibin fi Tarjamah al-Nawawi*, Iskandariah: Muassasah Syabab al-Jamiah.
- Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ). (2000). *Bahagian Pendidikan*. Johor Baharu: JAIJ. <http://www.johor.net.my/kij/pendidikan> 1 .htm
- Muhamad b. Solih al-°Uthaimin, (2002). *Syarh Riyad al-Solihin*. At-Qahirah: Dar al-°Aqidah Li al-Turath.
- Muhamad Jamal Al-Din Al-Qasimi (t.t.). *Maifizat al-Mu 'min min Ihya' °Ulum al-Din*. Bairut: Dal al-Fikr.
- Muhammad Arsyad b. Abdullah, (t.t.). *Sabil al-Muhtadin Li Tqfaqqubfi Amr al-Din*. Singapura: Pustaka Nasional. Muhammad b. °Allan, (1977.). *Dalil al-Falihin Li Turuq Riyad al-Solihin*. Cairo: tanpa tempat cetakan.
- Muhammad Jamal Al-Din Al-Qasimi Al-Damsyiqi, (t.t.) *Maifizat al-Mu 'minin min Ihya' °Ulum al-Din*, (Ringkasan dari Al-Ghazali). Bairut: Dar al-Fikr.
- Mustafa Said Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Al-Ustaz Mahyuddin Mustawin, Al-Ustaz AH Al-Syirbiji dan Al-Ustaz Muhammad Amin Lutfi, (1992). *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Bairut: Mu'assah al-Risalah. Juzuk 1-2.
- Pauzi bin Haji Awang, (1990). *Penganth Matn Arba'in dan Riyad al-Solihin dalam masyarakat Malaysia*. Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan Ke Tiga, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, Kuala Lumpur: Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia.
- Warta Kerajaan Johor, (1999). *Kaedah-kaedah Mengajar dan Memberi Syarahan Agama 1991*. Johor Baharu: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.